

**MCA Gesa DAP Nyatakan Pendirian Berhubung Hasrat PAS Laksanakan Hudud  
Bernama  
29 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Naib Presiden MCA Datuk Seri Chor Chee Heung menggesa Penasihat DAP Lim Kit Siang dan anaknya, Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng agar mengisytiharkan bantahan mereka berhubung hasrat PAS untuk meminda Perlembagaan bagi memasukkan undang-undang hudud.

Dalam kenyataan, Rabu, Chor berkata: "DAP mesti berhenti daripada berdolak-dalik dan mengisytiharkan bantahan terhadap perkara ini, bukan menyerahkan kepada pemimpin bawahan mereka untuk menentang PAS."

Beliau berkata di sebalik dakwaan berterusan DAP bahawa Pakatan akan berpegang kepada janji yang disenaraikan dalam 'Buku Jingga' dan rangkakerja dasar bersama mereka, PAS sering mencari kesalahan dalam retorik dan tuntutan DAP.

"Ini disebabkan PAS tidak menghormati 'Buku Jingga' Pakatan dan rangkakerja dasar bersama itu. Kepimpinan PAS juga menyatakan dengan jelas bahawa melaksanakan undang-undang hudud adalah agenda utama mereka, yang lebih penting daripada matlamat DAP, malah sekalipun persetujuan bersama yang dicapai antara parti dalam Pakatan.

"Jadi, saya ingin tanya DAP, bilakah mereka akan akhirnya mengaku kepada rakyat, terutamanya bukan Islam, bahawa mereka tidak dapat menghalang PAS daripada melaksanakan undang-undang hudud jika Pakatan membentuk kerajaan persekutuan?"

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=690678>